

Malaysia sedia bantu Arab Saudi bina bandar pintar — PM

Um - 3/7/2004 : 2

SUBANG 2 Julai — Malaysia sedia menyumbang kepakaran bagi membantu Arab Saudi membina sebuah bandar pintar menyerupai Cyberjaya di Madinah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia tidak mempunyai halangan untuk memberikan kerjasama dalam pembinaan bandar pintar dan pelaksanaan kerajaan elektronik di bandar itu.

Beliau berkata, kerajaan Arab Saudi amat kagum dengan perkembangan Koridor Raya Multimedia (MSC)

dan bersetuju melantik Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) membantu pelaksanaan kerajaan elektronik.

“Memang itu (bandar pintar) satu visi pihak Gabenor Madinah. Beliau hendak mula di Madinah dahulu.

“Dengan itu mereka hendak menimba pengalaman Malaysia dan saya kata pada beliau kita tidak ada apa halangan untuk memberikan kerjasama,” katanya sebaik tiba di sini hari ini daripada lawatan rasmi tiga hari ke Arab Saudi.

Beliau ditanya perkembangan hasil lawatan ke negara tersebut.

Hadir sama menanti ketibaan Abdullah ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Radzi Sheikh Ahmad, menteri-menteri Kabinet dan menteri-menteri besar.

Abdullah berkata, dengan adanya penglibatan MDC, maka ramai perunding teknologi maklumat tempatan akan terlibat sama dalam pembangunan itu.

Menurut beliau, usaha tersebut dijangka membawa banyak perubahan kepada kedua-dua negara.

Kata Perdana Menteri, secara keseluruhan beliau melihat lawatan kali ini mencapai banyak kejayaan dan daripada perbincangan yang diadakan jelas kelihatan kesungguhan untuk meningkatkan lagi kerjasama dua hala sama ada dalam bidang perdagangan, pelaburan dan pendidikan.

Beliau berkata, isu Palestin dan Iraq turut dibincangkan dalam lawatan tersebut dan kedua-dua negara sepakat isu di negara berkenaan diselesaikan segera.